



SKPPT
2026

ANJURAN



3rd **SEMINAR**
KEBANGSAAN
PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN DAN
TEKNIKAL 2026



21 FEBRUARI 2026

BUKU PROGRAM

Copyright © 2026

ACADEMIC INSPIRED NETWORK

All rights reserved. No part of this proceeding may be reproduced in any form, except for the inclusion of brief quotations in review, without permission in writing from the author/ publisher.

Published by:

ACADEMIC INSPIRED NETWORK
NO 1156, TINGKAT 2, KOMPENI NIAGA LUTH,
JALAN DATO PATI, 15000 KOTA BHARU, KELANTAN.
(KT 0416380 – P)

UCAPAN PENERUS PROGRAM

3rd Seminar Kebangsaan Pembangunan Pendidikan dan Teknikal 2026

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini untuk menyertai 3rd Seminar Kebangsaan Pembangunan Pendidikan dan Teknikal 2026. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini kerana menyokong serta memeriahkan seminar yang amat bermakna ini.

Seminar ini diadakan dengan tujuan untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman, dan idea dalam bidang pembangunan pendidikan dan teknikal. Dalam dunia yang serba pantas dan berkembang ini, kita perlu memastikan bahawa sistem pendidikan dan teknik yang ada terus relevan, berkualiti, dan mampu memenuhi keperluan industri serta masyarakat. Justeru, penganjuran seminar ini adalah satu langkah penting untuk membincangkan isu-isu semasa dan mencetuskan idea-idea baru yang dapat memperkasa pembangunan pendidikan negara.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua pembentang, panel, dan ahli akademik yang akan berkongsi ilmu serta kepakaran mereka sepanjang seminar ini. Tanpa sokongan anda, program ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pengorganisasian seminar ini, terutamanya jawatankuasa penganjur yang telah bekerja keras bagi memastikan segala persiapan berjalan lancar.

Semoga seminar ini dapat memberi manfaat yang besar kepada kita semua dan menjadi platform untuk kita berkongsi ilmu, membina jaringan, serta merancang langkah-langkah ke hadapan dalam usaha kita memperkasa bidang pendidikan dan teknikal di negara kita.

Akhir kata, saya berharap agar semua peserta dapat mengikuti seminar ini dengan penuh semangat dan dedikasi, serta mengambil peluang untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat bagi menjayakan matlamat utama seminar ini.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

UCAPAN PENGARAH PROGRAM

3rd Seminar Kebangsaan Pembangunan Pendidikan dan Teknikal 2026

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, pada hari yang penuh bermakna ini, kita diberi kesempatan untuk berkumpul dalam 3rd Seminar Kebangsaan Pembangunan Pendidikan dan Teknikal 2026. Sebagai pengarah program, saya berasa amat berbesar hati dan bersyukur kerana seminar ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi sokongan dalam menjayakan seminar yang penuh ilmiah dan bermanfaat ini.

Seminar ini diadakan untuk membincangkan isu-isu terkini dalam pembangunan pendidikan dan teknikal di negara kita. Dalam dunia yang semakin global dan berkembang pesat ini, kita perlu memastikan bahawa sistem pendidikan dan latihan teknikal kita sentiasa relevan dan seiring dengan keperluan industri dan cabaran masa depan. Oleh itu, seminar ini menjadi platform yang amat penting untuk kita berkumpul, bertukar idea, dan merancang langkah-langkah ke hadapan bagi memastikan perkembangan pendidikan dan teknikal yang lebih dinamik dan inklusif.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pembentang, panel pakar, dan para penyelidik yang telah sudi meluangkan masa untuk berkongsi ilmu serta pengalaman mereka. Sumbangan anda semua amat dihargai dan dijadikan rujukan penting dalam memperkasa bidang pendidikan dan teknikal di negara kita. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh jawatankuasa penganjur yang telah bekerja keras dalam memastikan kelancaran seminar ini.

Semoga seminar ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta dalam memupuk kerjasama, meningkatkan pengetahuan, dan memperkasa pembangunan bidang pendidikan dan teknikal di tanah air kita. Saya berharap agar para peserta dapat memanfaatkan setiap sesi yang dijalankan, dan seterusnya membawa pulang ilmu serta idea yang dapat diguna pakai dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kita sebagai pendidik dan pemimpin dalam bidang teknikal.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat menjalani seminar ini kepada semua peserta. Semoga seminar ini berjalan dengan lancar, penuh manfaat, dan memberikan impak yang positif kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.

TENTATIF

3rd SEMINAR KEBANGSAAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN TEKNIKAL 2026

Tarikh : 21 Februari 2026 (Sabtu)
Platform : Pembentangan dalam talian
Masa : 7.30 pagi hingga 3.00 petang

TARIKH	MASA	AKTIVITI
20 Feb 2026 (Jumaat)	02.30 ptg – 05.00 ptg	Persediaan oleh urusetia
21 Feb 2026 (Sabtu)	07.30 pg – 08.00 pg	Pendaftaran peserta 3rd SKPPT 2026
	08.00 pg – 8.10 pg	Bacaan Doa
	8.10 pg – 8.30 tgh	Ucapan alu-aluan oleh Pengarah Program (Academic Inspired Network)
	8.30 pg – 9.30 pg	Ucaptive (Keynote) dari Dr. Saifulazry Mokhtar (Universiti Malaysia Sabah)
	9.30 ptg – 12.30 ptg	Pembentangan peserta 3 rd SKPPT 2026 mengikut kumpulan
	3.00 ptg	Majlis di jangka selesai

MAKLUMAN KEPADA PEMBENTANG

1. Pada hari pembentangan, peserta perlu mengikuti sesi pembukaan pada pukul 8 pagi untuk mendengar bacaan doa pembukaan, ucapan pengarah program dan ucapnama (keynote).
2. Mohon untuk meletakkan nama peserta dan ID Kertas Penyelidikan pada ruangan komen sebagai tanda kehadiran dan penglibatan dalam seminar ini.
3. Selepas majlis pembukaan, peserta akan masuk ke link masing-masing mengikuti kumpulan pembentangan yang akan ditetapkan nanti.
4. Seminar ini adalah seminar secara langsung (live) dan akan ada sesi soal jawab langsung selepas setiap sesi pembentangan.
5. Setiap pembentangan tidak boleh lebih daripada 10 minit.
6. Selepas pembentangan, akan ada sesi soal jawab bersama panel/ moderator/ peserta dalam kumpulan.
7. Bagi yang berkelapangan boleh mengikuti mendengar sesi pembentangan sehingga selesai.
8. Sijil Pembentang hanya dikeluarkan kepada satu nama sahaja (Nama Pertama).
9. Penulis lain akan mendapat sijil penyertaan sahaja.
10. Buku proceeding akan dikeluarkan selepas urusan editing di lakukan.
11. Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

JADUAL SESI PEMBENTANGAN MENGIKUT KUMPULAN

KUMPULAN 1

BIL	NAMA PEMBENTANG	TAJUK PENYELIDIKAN
1	SITI NOR LAILIYAH NINTI IBRAHIM	KAJIAN TERHADAP SIKAP DAN MOTIVASI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI DALAM MENGINTEGRASIKAN AI SEBAGAI BANTUAN PEMBELAJARAN
2	MASLIZA BINTI MAZLAN	PELAKSANAAN MICROECOQUEST DALAM MENINGKATKAN PENCAPAIAN CLO DAN PLO KURSUS MIKROEKONOMI DI POLITEKNIK MERSING JOHOR
3	SARIMAH BINTI ISMAIL	TAHAP KEPUASAN PESERTA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT BAGI PROGRAM UPAYA BAKAT: KURSUS BASIC BARISTA DI KOLEJ KOMUNITI KUANTAN
4	SARIMAH BINTI ISMAIL	FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEPADA PENGLIBATAN DALAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) DALAM KALANGAN PELAJAR
5	ILYANA BINTI YAHYA	KEBERKESANAN PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN TVET: PERSPEKTIF PELAJAR KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH
6	SITI BALQIS BINTI ABDUL KADIR	PEMBANGUNAN BAHAN PEMBELAJARAN DIGITAL: DISCOVER WATER RESOURCES, QUALITY, DEMAND & WATER TREATMENT IN CIVIL ENGINEERING
7	MOHD MUNIR BIN ZAINAL ABIDIN	KAJIAN KEBERKESANAN KADAR TUMBESARAN IKAN TILAPIA MERAH (OREOCHROMIS NILOTICUS) TERHADAP SISTEM BIOFLOK DI KOLEJ KOMUNITI JERANTUT
8	NURHAFIZZAH BINTI TAMSIR	THE USE OF TECHNOLOGY IN STUDENT FILE AND DOCUMENT MANAGEMENT
9	NURHAFIZZAH BINTI TAMSIR	STUDENTS' ACCEPTANCE AND EFFECTIVENESS OF PLANPROEVENT IN EVENT ORGANIZATION COURSES
10	SULAIHAH BINTI DOLLAH	PENILAIAN KEBOLEHGUNAAN DAN PENERIMAAN ANIMALFOODTECH BOT SEBAGAI ALAT PEMBELAJARAN DIGITAL BAGI KURSUS PROCESSING TECHNOLOGY OF ANIMAL PRODUCTS

KUMPULAN 2

BIL	NAMA PEMBENTANG	TAJUK PENYELIDIKAN
1	NUR JAHARATUD-DINI BINTI MOHD NAZARI	KEBERKESANAN LAMAN SESAWANG DPB30073 STOP CENTER DALAM KURSUS BUSINESS LAW DI POLITEKNIK MERSING
2	TAJUL AZMI BIN ABDUL GHANI	HUBUNGAN PENILAIAN PROGRAM, PERKAITAN INDUSTRI DAN PEMBANGUNAN PROFESSIONAL TERHADAP KEBOLEHPASARAN GRADUAN SIJIL KULINARI
3	HARTYNI BINTI MASTOR	AMALAN DAN TAHAP KESEDARAN PELAJAR TERHADAP PELANGGARAN ETIKA DALAM PENULISAN AKADEMIK KETIKA MENGGUNAKAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN
4	NORAZMI BIN FADILAH	IMMERSIVE VIRTUAL REALITY TRAINING ENVIRONMENT FORWORKING AT HEIGHTS
5	NADIAH BINTI KAMARUDIN	INTERVENSI DAN SOKONGAN KESIHATAN MENTAL: KAJIAN DIKALANGAN PELAJAR DI POLITEKNIK MERSING JOHOR
6	SITI AMINAH BINTI ABDUL GHANI	APPLICATION OF KARAKURI MECHANISM TO IMPROVE MATERIAL HANDLING EFFICIENCY: A CASE STUDY ON THE JL/JT ARMREST PRODUCTION LINE
7	TUTY BINTI KAMIS	THE IMPACT OF FINANCIAL MANAGEMENT PRACTICES ON ACCOUNTABILITY OF MALACCA MOSQUE GOVERNANCE (MMG)
8	TS. DR. AHMAD SID HIJAZ BIN MD SAAID	VR-GUIDED WALL MURAL (VRGWM): A PRACTICE- BASED INNOVATION FOR COMMUNITY AND TVET- ORIENTED MURAL SKILLS
9	WAN NOR AZIDA BINTI WAN ALI	DIGITAL LEARNING MANAGEMENT : LEADERSHIP CHALLENGES IN TECHNICAL EDUCATION

KUMPULAN 3

BIL	NAMA PEMBENTANG	TAJUK PENYELIDIKAN
1	FATIN SALWA BINTI MAT YUSOF	PERANAN PENGURUSAN ACARA DALAM MEMBENTUK KEMAHIRAN KEPIMPINAN PELAJAR
2	NORLIN BT IBRAHIM	DIMENSI CABARAN PDP BENGKEL TVET DI POLITEKNIK DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PEMBELAJARAN
3	ZAKIAH BT AKSAH	TINJAUAN KESEDARAN DAN AMALAN PENGURUSAN SISA ORGANIK DARI RUMAH DI KALANGAN PELAJAR JABATAN KEJUTERAAN AWAM POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH
4	SITI NUR HASLINDA BINTI DAMANHURI	PENERIMAAN PENGGUNA TERHADAP SABUN BERASAKAN MINYAK MASAK TERPAKAI RESOAPK
5	MOHD RIDZUAN BIN ABDUL RAHMAN	KAJIAN ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN TRAINER METER TENAGA BERASASKAN ARDUINO BAGI MENYOKONG PEMBELAJARAN PENGIRAAN TARIF ELEKTRIK BAGI PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK KOMUNIKASI
6	SUHaida BINTI JAMLUS	KAJIAN PENGGUNAAN LINKTREE SEBAGAI HAB RUJUKAN DIGITAL SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015 DI JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK PORT DICKSON.
7	NORFAZILAH BINTI MOHAMAD PON	KAJIAN TAHAP PENGGUNAAN DAN PENERIMAAN PLATFORM PEMBELAJARAN DIGITAL KOLABORATIF DALAM PEMBELAJARAN PELAJAR IT DI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK
8	SHAI FATULNA'IM BINTI SHAMSUDDIN	STRATEGI MENINGKATKAN PRESTASI PEPERIKSAAN AKHIR PELAJAR WORKSHOP TECHNOLOGY SEMESTER 1 POLITEKNIK PORT DICKSON
9	SAPIAH BINTI ISHAK	PENINGKATAN KEMAHIRAN MENJAWAB MELALUI PENGGUNAAN WORKBOOK BAGI KURSUS DPK30102 SHORTHAND 3 POLITEKNIK PORT DICKSON
10	NORFAZILAH BINTI MOHAMAD PON	KAJIAN TINJAUAN TERHADAP PERANAN AI SEBAGAI RAKAN PEMBELAJARAN DIGITAL BAGI PELAJAR ASASI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

SUMBANGAN ARTIKEL PROCEEDING

BIL	NAMA PENULIS	TAJUK PENYELIDIKAN
1	AZAD MUSLIM BIN MUHAMMAD	IMPAK KECERDASAN EMOSI TERHADAP DAYA TAHAN AKADEMIK PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JERANTUT
2	KU NUR ILYANI BINTI KU ABD AZIZ	DETERMINANTS OF FINANCIAL REPORTING QUALITY IN MALAYSIAN WAQF INSTITUTIONS
3	NABIHAH BINTI AMINADDIN	THE IMPACT OF REGULATORY, TECHNOLOGICAL AND HUMAN FACTORS ON MUTAWALLI'S REPUTATIONAL RISK
4	CHE SITI LAZRINA BT MD LAZIM	DETERMINANTS OF ONLINE RETAILERS' INTENTION TO ADOPT VIRTUAL REALITY (VR) TECHNOLOGY IN MALAYSIA
5	RUSHIDAH BINTI MD ROSDI	PUASA RAMADAN DAN KESIHATAN KENDIRI PELAJAR POLITEKNIK METRO KUALA LUMPUR
6.	SITI MAZIAH AB RAHMAN	DETERMINANTS OF IMPOSED ACCOUNTABILITY IN CORPORATE ZAKAT PAYMENT DECISIONS: AN INSTITUTIONAL WORK PERSPECTIVE
7	SITI MAZIAH AB RAHMAN	BETWEEN FARA'ID AND ESTATE PLANNING: WASIYYAH AND HIBAH IN MANAGING UNCLAIMED MUSLIM ESTATES IN MALAYSIA
8	SITI MAZIAH AB RAHMAN	STRESS AND ITS EFFECTS ON PSYCHOLOGICAL AND ACADEMIC WELL-BEING AMONG UNIVERSITY STUDENTS: EVIDENCE FROM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

ABSTRAK PESERTA

KAJIAN TERHADAP SIKAP DAN MOTIVASI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI DALAM MENGINTEGRASIKAN AI SEBAGAI BANTUAN PEMBELAJARAN

SITI NOR LAILIYAH NINTI IBRAHIM
NORSHAHIRA BINTI KAMARZAMAN

KOLEJ KOMUNITI HULU LANGAT & POLITEKNIK PORT DICKSON
lailiyah@kkhl.edu.my

Abstrak

Perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) mempengaruhi landskap pendidikan 4.0 yang mengintegrasikan teknologi digital yang canggih dalam proses pembelajaran. AI adalah aplikasi teknologi utama yang berpotensi pada masa kini yang berevolusi IR4.0 dalam institusi pendidikan TVET yang menekankan kompetensi dan kebolehpasaran graduan TVET berkualiti. Aplikasi AI dalam pendidikan menunjukkan peralihan kaedah pengajaran tradisional kepada kaedah yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan yang berasaskan transformasi teknologi pembelajaran digital yang lebih pintar dan pantas. Pada masa kini, aplikasi AI telah digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan dimana proses pembelajaran dan pengajaran menjadi lebih interaktif dan berkesan apabila aplikasi ini digunakan dengan etika yang betul dan telus oleh pelajar. Integrasi AI bukan sahaja menjadikan pelajar di peringkat pendidikan lebih fleksibel dan responsif terhadap keperluan pembelajaran, tetapi juga membuka peluang untuk inovasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Pelajar juga akan mendapat pengalaman yang berbeza apabila menggunakan aplikasi AI ini semasa pembelajaran dan pengajaran dalam institusi TVET yang mereka belajar. Oleh itu, Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan asas, menentukan tahap sikap pelajar terhadap penggunaan AI sebagai alat sokongan pembelajaran, menilai tahap motivasi pelajar dalam mengintegrasikan AI dalam pembelajaran dan menilai hubungan antara sikap dan motivasi pelajar dalam penggunaan AI sebagai alat pembelajaran. Kajian ini melibatkan 53 pelajar menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis menggunakan SPSS versi 29. Hasil menunjukkan sikap pelajar terhadap AI berada pada tahap tinggi (min = 3.60), manakala motivasi sederhana tinggi (min = 3.47). Korelasi Pearson menunjukkan hubungan sangat kuat dan signifikan antara sikap dan motivasi ($r = 0.952$, $p < 0.001$). Walaupun penggunaan AI adalah meluas pelajar masih memerlukan latihan formal dan literasi digital yang lebih kukuh dan bersistematik. Kajian ini mencadangkan supaya latihan AI diintegrasikan dalam kurikulum TVET untuk memastikan penggunaan yang beretika dan berkesan dalam melaksanakan pembelajaran dan pengajaran mereka di institusi.

Kata kunci: kecerdasan buatan, sikap pelajar, motivasi, TVET, pembelajaran digital

PELAKSANAAN MICROECOQUEST DALAM MENINGKATKAN PENCAPAIAN CLO DAN PLO KURSUS MIKROEKONOMI DI POLITEKNIK MERSING JOHOR

MASLIZA BINTI MAZLAN
JAMA'LATUN SA'DIAH BINTI RAMLI

POLITEKNIK MERSING JOHOR
masliza@tvet.pmj.edu.my

Abstrak

Pendekatan pembelajaran berasaskan gamifikasi semakin mendapat perhatian dalam pendidikan tinggi kerana keupayaannya meningkatkan penglibatan aktif, motivasi dan kefahaman pelajar terhadap konsep pembelajaran yang bersifat abstrak. Dalam kursus Mikroekonomi, pelajar sering menghadapi kesukaran memahami konsep asas seperti permintaan dan penawaran, keseimbangan pasaran, keanjalan serta aplikasi teori mikroekonomi dalam situasi sebenar. Kesukaran ini memberi kesan terhadap pencapaian pembelajaran pelajar, khususnya pencapaian Course Learning Outcome (CLO) dan Programme Learning Outcome (PLO). Analisis pencapaian kursus menunjukkan bahawa CLO1 bagi kursus Mikroekonomi pada Sesi II 2024/2025 hanya mencatat 48.4%, iaitu di bawah tahap sasaran yang ditetapkan dan memerlukan intervensi berfokus. Sehubungan itu, satu inovasi pembelajaran berasaskan gamifikasi yang dikenali sebagai MicroEcoQuest telah dirancang dan dilaksanakan sebagai satu tindakan penambahbaikan kualiti berterusan (Continuous Quality Improvement, CQI) bagi meningkatkan pencapaian pelajar kursus Mikroekonomi. Kajian tindakan ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan MicroEcoQuest terhadap pencapaian CLO dan PLO pelajar, di samping menilai tahap penerimaan pelajar terhadap inovasi gamifikasi tersebut. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian tindakan yang mengadaptasi Model Kitaran Plan-Do-Check-Act (PDCA). Sampel kajian melibatkan 52 orang pelajar Diploma Pengajian Perniagaan yang mengikuti kursus Mikroekonomi. Pelaksanaan MicroEcoQuest dijalankan semasa sesi praktikal dan minggu ulang kaji bagi mengukuhkan kefahaman pelajar. Data kajian dikumpulkan melalui analisis pencapaian pelajar dengan membuat perbandingan keputusan peperiksaan akhir bagi Sesi II 2024/2025 (sebelum intervensi) dan Sesi I 2025/2026 (selepas intervensi), serta melalui soal selidik berskala Likert lima mata bagi menilai tahap penerimaan pelajar. Hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan peratus pencapaian CLO dan PLO selepas pelaksanaan MicroEcoQuest. Dapatan soal selidik pula menunjukkan tahap penerimaan pelajar yang tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.09, mencerminkan persepsi positif terhadap keberkesanan MicroEcoQuest. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa MicroEcoQuest berupaya menyokong amalan CQI selaras dengan keperluan Akreditasi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: MicroEcoQuest, Pencapaian CLO dan PLO, Penerimaan Pelajar

**TAHAP KEPUASAN PESERTA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT BAGI
PROGRAM UPAYA BAKAT: KURSUS BASIC BARISTA DI KOLEJ KOMUNITI
KUANTAN**

SARIMAH BINTI ISMAIL
AZIAN BINTI MISKAN

KOLEJ KOMUNITI KUANTAN
sarimah.ismail@kkkua.edu.my

Abstrak

Pembelajaran Sepanjang Hayat merupakan salah satu daripada elemen penting dalam meningkatkan kemahiran dan daya saing selaras dengan keperluan pasaran kerja pada masa sekarang. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kepuasan peserta Program Upaya Bakat terhadap Kursus Basic Barista yang ditawarkan di Kolej Komuniti Kuantan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan seramai 12 orang peserta. Instrumen kajian ialah soal selidik skala Likert lima mata yang dibina berdasarkan objektif kajian dan kajian lepas. Data dianalisis secara deskriptif bagi menentukan tahap kepuasan peserta berdasarkan nilai min. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kepuasan keseluruhan berada pada kategori tinggi dengan purata min 4.5. Aspek pengajaran, kemahiran pensyarah, bahan pembelajaran dan kesesuaian kursus mencatatkan tahap kepuasan yang tinggi, manakala aspek persekitaran pembelajaran berada pada tahap sederhana. Kajian ini memberi implikasi praktikal kepada pihak institusi dalam menambah baik kualiti persekitaran pembelajaran serta mengekalkan standard pengajaran bagi memastikan keberkesanan kursus kemahiran yang ditawarkan selaras dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

Kata kunci: Pembelajaran sepanjang hayat, tahap kepuasan, kursus barista

IMPAK KECERDASAN EMOSI TERHADAP DAYA TAHAN AKADEMIK PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

AZAD MUSLIM BIN MUHAMMAD
TS. NAZIHAN BINTI AZIZUDDIN
TS. EZLINA BINTI MOHAMAD ESA

KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

azadmuhd.lei@gmail.com

Abstrak

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia menekankan pembangunan holistik pelajar di institusi pengajian tinggi, termasuk Kolej Komuniti. Pelajar sering menghadapi cabaran menyesuaikan diri dari segi akademik dan emosi, justeru pihak Kolej Komuniti Jerantut (KKJ) amat prihatin terhadap tahap kecerdasan emosi bagi memastikan daya tahan akademik yang mantap. Kajian ini bertujuan untuk menentukan jenis dan tahap kecerdasan emosi pelajar dan mengenal pasti hubungan antara kecerdasan emosi dengan daya tahan akademik pelajar. Seramai 126 pelajar KKJ yang terdiri daripada 46 pelajar Sijil Teknologi Akuakultur dan 80 pelajar Sijil Teknologi Pemprosesan Makanan telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik dalam talian berasaskan skala Likert lima mata, yang merangkumi Skala Kecerdasan Emosi dan Skala Daya Tahan Akademik. Dapatan menunjukkan tahap kecerdasan emosi dan daya tahan akademik berada pada tahap sederhana hingga tinggi. Analisis korelasi mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara kecerdasan emosi dan daya tahan akademik, yang turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kesimpulannya, pengukuhan program pembangunan kecerdasan emosi amat penting bagi meningkatkan daya tahan akademik dan mengekalkan kualiti pendidikan di KKJ secara menyeluruh. Dalam konteks ini, adalah wajar bagi KKJ untuk memperluaskan pelaksanaan program intervensi yang berfokus kepada peningkatan kemahiran emosi bagi menyokong kejayaan akademik pelajar.

Kata Kunci: Kecerdasan Emosi Pelajar, Daya Tahan Akademik, Kolej Komuniti Jerantut

KEBERKESANAN PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN TVET: PERSPEKTIF PELAJAR KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH

ILYANA BINTI YAHYA
NORWAHIDA BINTI SAAMRI

KOLEJ KOMUNITI BENTONG & KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH
ilyanayahya@gmail.com

Abstrak

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan pemacu utama pembangunan modal insan berkemahiran tinggi di Malaysia dalam mendepani keperluan Revolusi Industri 4.0. Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan Program Sijil Teknologi Maklumat (STM) dalam membangunkan kemahiran TVET pelajar. Kajian ini melibatkan 52 pelajar Program STM di Kolej Komuniti Temerloh sebagai responden. Tumpuan kajian merangkumi tiga aspek utama, iaitu faktor pemilihan program, kemudahan fasiliti dan peralatan, kemahiran TVET yang dipelajari, serta keyakinan diri dan perancangan masa depan pelajar. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpul data berkaitan minat, motivasi, pengalaman pembelajaran dan keyakinan terhadap peluang kerjaya selepas tamat pengajian. Dapatan menunjukkan majoriti pelajar mempunyai persepsi positif terhadap kandungan kursus, kaedah PdP dan pengalaman pembelajaran yang dijalankan. Kemudahan fasiliti dan peralatan turut dinilai sebagai mencukupi serta berfungsi baik dalam menyokong pembelajaran praktikal.. Hasil kajian ini dijangka memberi gambaran jelas tentang tahap keberkesanan pelaksanaan Program STM dari sudut pengalaman pembelajaran pelajar, keberfungsian fasiliti, kesesuaian kurikulum serta impak terhadap kompetensi dan perancangan kerjaya pelajar. Dapatan kajian diharapkan dapat membantu pihak kolej, pembuat dasar serta pihak berkepentingan TVET dalam menambah baik program serta memastikan ia kekal relevan dengan kehendak industri semasa.

Kata kunci: Teknologi Maklumat, TVET, Keberkesanan Program, Perancangan Kerjaya

PEMBANGUNAN BAHAN PEMBELAJARAN DIGITAL: DISCOVER WATER RESOURCES, QUALITY, DEMAND & WATER TREATMENT IN CIVIL ENGINEERING

SITI BALQIS BINTI ABDUL KADIR
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM, POLITEKNIK PORT DICKSON

balqisakr@gmail.com

Abstrak

Perkembangan teknologi digital telah membawa perubahan signifikan dalam landskap pendidikan, khususnya dalam pembangunan bahan pembelajaran digital yang lebih interaktif dan menarik. Perkembangan teknologi digital ini boleh diadaptasi sebagai salah satu modul pembelajaran sendiri di kalangan pelajar institut pendidikan tinggi. Di antara modul pembelajaran sendiri berkonsepkan teknologi digital adalah melalui digital buku cetak bagi topik Discover Water Resources, Quality, Demand & Water Treatment in Civil Engineering. Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan bahan pembelajaran digital dengan menggunakan perisian Canva, menilai kefungsiannya sebagai medium sokongan pengajaran dan pembelajaran serta menilai keberkesanan pencapaian pelajar selepas penggunaannya. Canva dipilih kerana ia merupakan perisian berasaskan web yang mesra pengguna, menawarkan pelbagai templat grafik, elemen visual, animasi dan ciri kolaboratif yang sesuai digunakan oleh pendidik tanpa memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi. Reka bentuk pembangunan bahan pembelajaran ini berasaskan model ADDIE yang merangkumi fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Dalam fasa analisis, keperluan pembelajaran dan tahap kebolehan pelajar dikenal pasti. Fasa reka bentuk dan pembangunan melibatkan penghasilan slaid pembelajaran, infografik, video ringkas dan latihan menggunakan Canva yang disesuaikan dengan objektif pembelajaran. Bahan yang dibangunkan menekankan penggunaan visual yang jelas dan susunan maklumat yang sistematik bagi meningkatkan minat pembelajaran kepada pelajar. Fasa pelaksanaan dijalankan dengan menggunakan bahan pembelajaran digital tersebut dalam sesi pengajaran sebenar, manakala fasa penilaian melibatkan maklum balas terhadap empat puluh dua orang responden yang terdiri daripada pelajar Diploma Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Politeknik Port Dickson terhadap aspek reka bentuk antara muka, infomasi dan keberkesanan bahan. Dapatan menunjukkan bahawa pembangunan bahan pembelajaran digital dapat meningkatkan minat, kefahaman dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Selain itu, didapati pembangunan bahan pembelajaran secara digital ini membantu menjimatkan masa serta memudahkan penghasilan bahan yang lebih kreatif dan profesional. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan pembangunan bahan pembelajaran digital merupakan satu alternatif yang berkesan dan berpotensi menyokong pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 secara lebih inovatif dan berpusatkan pelajar.

Kata kunci: bahan pembelajaran digital, pembangunan, perisian Canva, pembelajaran sendiri

**KAJIAN KEBERKESANAN KADAR TUMBESARAN IKAN TILAPIA MERAH
(OREOCHROMIS NILOTICUS) TERHADAP SISTEM BIOFLOK DI KOLEJ KOMUNITI
JERANTUT**

MOHD MUNIR BIN ZAINAL ABIDIN
MUHAMMAD MUIZZULIHAB BIN MORSID

KOLEJ KOMUNITI JERANTUT
mohdmunir@kkjerantut.edu.my

Abstrak

Sistem bioflok adalah satu sistem yang digunakan oleh penternak untuk memastikan kadar nitrogen dalam air dapat dikurangkan dengan penghasilan kitaran nitrogen yang sempurna. Bioflok adalah hasil penguraian daripada pelbagai bahan organik seperti bakteria, mikroalga, sisa makanan, dan zooplankton yang berfungsi sebagai makanan tambahan yang berterusan untuk haiwan akuatik. Selain itu, penggunaan sistem bioflok dapat menyelesaikan masalah kadar kepekatan ammonia yang tinggi. Selain daripada itu juga, sistem ini menunjukkan kadar sifar pertukaran air sekaligus dapat mengelakkan pencemaran air. Sistem ini semakin mendapat perhatian dalam sektor akuakultur kerana potensi ekonomi serta keupayaannya menyokong sistem yang lebih lestari terhadap alam sekitar. Oleh yang demikian, sistem ini telah diaplikasikan di Kolej Komuniti Jerantut dan spesies yang telah ditenak adalah ikan tilapia merah (*Oreochromis niloticus*). Tilapia merah (*Oreochromis niloticus*) merupakan antara spesies ikan air tawar yang penting dalam industri akuakultur kerana kadar pertumbuhan yang cepat, kebolehsuaian yang tinggi terhadap pelbagai keadaan persekitaran, serta permintaan pasaran yang stabil. Spesies ini mampu hidup dalam julat kualiti air yang luas dan mempunyai kecekapan penukaran makanan yang baik, menjadikannya sesuai untuk sistem ternakan intensif dan separa intensif. Namun, kadar pertumbuhan anak benih tilapia yang ditenak menggunakan sistem bioflok tidak pernah direkodkan di Kolej Komuniti Jerantut khususnya. Justeru, kajian ini dilakukan untuk memerhati kadar tumbesaran benih tilapia merah (*Oreochromis niloticus*) terhadap sistem bioflok. Kajian ini telah dijalankan selama enam (6) minggu dengan jumlah benih 200 ekor setiap tangki dengan saiz benih 2 hingga 3 inci. Terdapat dua kumpulan rawatan iaitu kumpulan Bioflok (A) dan kumpulan kawalan (B) dimana setiap satu di duplikasikan. Pensampelan tumbesaran ikan tilapia merah (*Oreochromis niloticus*) telah dilakukan setiap minggu dengan Berat (g) dan Panjang keseluruhan ikan (cm) telah direkodkan. Tilapia merah ($n=10$) dari setiap tangki dan rawatan telah dilakukan pensampelan dan direkodkan. Hasil dapatan kajian menunjukkan sistem bioflok dapat meningkatkan tumbesaran benih berbanding kumpulan kawalan. Ini adalah kerana, Purata Berat Badan (ABW) menunjukkan kumpulan Bioflok (A) menunjukkan peningkatan berat badan yang lebih banyak berbanding kumpulan kawalan (B). Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa, penggunaan sistem bioflok dapat meningkatkan kadar tumbesaran benih ikan tilapia di Kolej Komuniti Jerantut khususnya.

Kata Kunci: Ikan tilapia merah, sistem bioflok, akuakultur, tumbesaran ikan

THE USE OF TECHNOLOGY IN STUDENT FILE AND DOCUMENT MANAGEMENT

NURHAFIZZAH BINTI TAMSIR
POLITEKNIK MERSING JOHOR

nurhafizzah@tvvet.pmj.edu.my

Abstrak

The use of technology in the modern era for file and document management has become an essential part of students' academic lives, particularly for handling course notes, assignments, and other educational materials. However, it also presents challenges in ensuring that documents are well-organized, easily accessible, and protected from loss. This study examines the extent of technology usage in students' file and document management, focusing on various modern storage applications and their role in improving document organization. The objective is to identify the types of documents that frequently pose difficulties for students and to assess their proficiency in using technological applications to enhance the efficiency of academic document management. A quantitative research design was employed, involving 108 students from various academic departments and semesters. Data were collected through a self-developed questionnaire that was carefully reviewed for validity and tested for reliability using Cronbach's Alpha, and the responses were analysed using descriptive statistics. The findings indicate that multimedia files, particularly video and audio recordings, are the most challenging type of document for students to manage and store properly, with 42.6% of respondents reporting difficulties, mainly due to large file sizes, diverse formats, and storage requirements. Despite these challenges, students demonstrated high proficiency in using commonly adopted technologies such as cloud storage platforms, word processing applications, and digital communication tools for storing, creating, and sharing academic documents effectively. Technology use in file management was found to enhance efficiency, improve accessibility to learning materials, reduce the risk of document loss, and support more systematic and organized document management. However, the findings also highlight a need for targeted training and practical guidance to strengthen students' skills in managing complex digital documents. Additionally, fostering digital literacy and providing hands-on workshops can empower students to overcome technical challenges and optimize the use of available tools, while future research could explore the integration of advanced file management systems and collaborative platforms to further enhance students' academic productivity and organizational skills.

Keywords: File management, document management, technology, students, educational institutions

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEPADA PENGLIBATAN DALAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) DALAM KALANGAN PELAJAR

SARIMAH BINTI ISMAIL
MARHAINI BINTI MARHAMIN
KOLEJ KOMUNITI KUANTAN

sarimah.ismail@kkkua.edu.my

Abstrak

Kajian ini meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di kalangan pelajar Kolej Komuniti Kuantan. Isu utama kajian ini timbul daripada keperluan untuk memahami motif pelajar menyertai PSH dalam konteks pembangunan diri, kebolehpasaran, dan persediaan menghadapi dunia kerja yang dinamik. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong penglibatan pelajar dalam PSH. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan, melibatkan 67 responden pelajar program Sijil Kulineri dan Sijil Operasi Perhotelan. Data dikumpulkan melalui soal selidik 5 skala Likert yang diedarkan secara dalam talian dan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Analisis min digunakan untuk menilai tahap pengaruh faktor-faktor terhadap penglibatan PSH, dengan kategori tafsiran daripada rendah hingga tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti faktor memperoleh min melebihi 4.00, menandakan tahap penglibatan pelajar yang tinggi. Tiga faktor utama ialah keinginan memperoleh sijil kemahiran tambahan (min = 4.21), memperoleh pengetahuan dan maklumat baru (min = 4.19), serta memperoleh ilmu dan kemahiran yang berguna (min = 4.18). Kajian ini menegaskan bahawa pelajar mempunyai motivasi tinggi untuk terus mengembangkan diri melalui PSH bagi meningkatkan kebolehpasaran dan persediaan kerjaya. Kepentingan kajian ini terletak pada keupayaannya memberikan panduan kepada institusi pendidikan dalam merangka program PSH yang relevan, inklusif, dan berkesan, sekali gus memupuk budaya pembelajaran berterusan dalam kalangan pelajar. Kajian ini juga menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai faktor motivasi pelajar mengikuti PSH, terutamanya dalam konteks institusi TVET di Malaysia.

Kata kunci: Pembelajaran Sepanjang Hayat, PSH, Motivasi Pelajar, Penglibatan Pelajar, TVET, Pembangunan Kemahiran, Kebolehpasaran.

KEBERKESANAN PENGGUNAAN LAMAN SESAWANG DPB30073 STOP CENTER DALAM KURSUS BUSINESS LAW DI POLITEKNIK MERSING

NUR JAHARATUD-DINI BINTI MOHD NAZARI

POLITEKNIK MERSING

jaharatuddini@tvet.pmj.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan laman sesawang DPB30073 *Stop Center* sebagai pusat sehati bahan kursus Business Law dalam kalangan pelajar Semester 3 bermula Sesi II 2022/2023 hingga Sesi I 2024/2025 di Politeknik Mersing. Kajian terhadap penggunaan laman sesawang ini adalah untuk melihat keberkesanannya menjadi pusat sehati yang membolehkan pengguna khususnya pelajar-pelajar memperoleh bahan rujukan kursus secara pantas dan mudah dicapai. Laman ini menyediakan nota kuliah, nota pendek, video lakonan kes, permainan interaktif dan latihan berkaitan kursus bagi menyokong pembelajaran sendiri selaras dengan *Outcome Based Education* (OBE). Dua responden dipilih dari setiap semester yang menjadikan jumlah laman orang responden sebagai responden dalam temubual separa berstruktur. Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis dokumen laporan semakan hasil kursus (CORR) bermula Sesi II 2022/2023 hingga Sesi I 2024/2025. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar memberi maklum balas positif terhadap capaian dan kandungan laman ini serta peranannya dalam membantu pencapaian akademik pelajar.

Kata Kunci: Undang-undang Perniagaan; pusat sehati; laman sesawang

HUBUNGAN PENILAIAN PROGRAM, PERKAITAN INDUSTRI DAN PEMBANGUNAN PROFESSIONAL TERHADAP KEBOLEHPASARAN GRADUAN SIJIL KULINARI

TAJUL AZMI BIN ABDUL GHANI
MARHAINI BINTI MARHAMIN

KOLEJ KOMUNITI KUANTAN
tajul_azmi@kkkua.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan Program Sijil Kuliner terhadap kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Kuantan dengan memberi tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu Penilaian Program, Perkaitan Industri dan Pembangunan Profesional. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan pengedaran soal selidik kepada 67 orang graduan Sijil Kuliner. Instrumen kajian mengandungi 20 item skala Likert lima mata yang merangkumi pemboleh ubah bebas dan bersandar. Analisis data dijalankan menggunakan perisian SPSS versi 27 melibatkan analisis deskriptif dan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga konstruk kajian mencatatkan skor min yang tinggi, menandakan persepsi positif graduan terhadap keberkesanan program. Analisis korelasi mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara Penilaian Program, Perkaitan Industri dan Pembangunan Profesional dengan kebolehpasaran graduan. Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan agar institusi pendidikan memperkukuh kerjasama industri dan pembangunan profesional pelajar bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan selaras dengan keperluan pasaran kerja semasa.

Keywords: keberkesanan program, industri hospitaliti, pembangunan profesional, kebolehpasaran graduan, pendidikan teknikal

AMALAN DAN TAHAP KESEDARAN PELAJAR TERHADAP PELANGGARAN ETIKA DALAM PENULISAN AKADEMIK KETIKA MENGGUNAKAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN

HARTYNI BINTI MASTOR

POLITEKNIK KUCHING SARAWAK
hartyni@poliku.edu.my

Abstrak

Abstrak: Kemunculan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah memberikan banyak kesan positif dalam bidang pendidikan. Namun begitu terdapat juga banyak kesan negatif yang dibincangkan dalam banyak penyelidikan. Antara keburukan AI dalam bidang pendidikan yang ketara adalah pelanggaran etika dan isu plagiarisme dalam penulisan akademik. Berdasarkan kepada isu ini, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sejauh mana tahap pelanggaran etika dan tahap kefahaman pelajar mengenai isu ini dalam kalangan pelajar. Sampel kajian terdiri dari 134 pelajar dari Politeknik Kuching Sarawak. Instrumen kajian adalah soal selidik yang diedarkan dalam talian menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif dan analisis Korelasi Pearson. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar sering menggunakan AI dalam aktiviti pembelajaran, lebih-lebih lagi sekiranya mereka kesuntukan masa dan tekanan dalam menyiapkan tugas akademik. Namun begitu amalan pelanggaran etika dalam kalangan responden adalah pada tahap yang rendah. Selain itu terdapat hubungan negatif antara tahap kesedaran dengan amalan pelanggaran etika. Selain itu, dapatan analisis mendapati bahawa tahap kesedaran adalah pada tahap yang tinggi iaitu sangat baik. Dapatan ini menjelaskan bahawa apabila tahap kesedaran mengenai isu etika meningkat dalam kalangan pelajar, amalan pelanggaran etika dalam penulisan akademik menggunakan AI akan menurun. Justeru itu, berdasarkan kepada dapatan ini, program-program kesedaran pelanggaran etika dan teknik yang betul menggunakan AI secara beretika perlu sentiasa dijalankan bagi membantu pelajar lebih peka kepada isu ini.

Kata Kunci: Kecerdasan Buatan, Plagiarisme, Kesedaran Etika.

A CONCEPTUAL FRAMEWORK OF THE DETERMINANTS OF FINANCIAL REPORTING QUALITY IN MALAYSIAN WAQF INSTITUTIONS

KU NUR ILYANI BINTI KU ABD AZIZ
DR SITI NUR AMIRA BINTI OTHMAN, NABIHAH BINTI AMINADDIN

UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (UTAR)
nurilyani@utar.edu.my

Abstract

The management of waqf institutions in Malaysia is characterized by decentralized governance structures, which have contributed to variations in financial reporting practices and uneven levels of transparency and accountability. Despite the growing economic and social significance of waqf as a key instrument of Islamic social finance, many waqf institutions continue to face challenges related to inconsistent reporting standards, limited disclosure, weak regulatory enforcement, and capacity constraints among accounting personnel. These challenges have resulted in information asymmetry, reduced stakeholder confidence, and difficulties in assessing the efficiency and effectiveness of waqf fund utilisation. Ensuring high-quality waqf financial reporting is essential for strengthening public trust and supporting effective governance within Islamic social finance institutions. This conceptual study examines the determinants of the quality of waqf financial reporting in Malaysia, focusing on four key independent variables: regulatory framework, technological infrastructure, stakeholder pressure, and staff competency. Grounded in institutional and stakeholder theories, the study proposes that a robust regulatory framework, supported by adequate technological infrastructure, heightened stakeholder pressure for transparency, and competent accounting personnel, positively influences the quality of waqf financial reporting. The quality of financial reporting is assessed in terms of relevance, reliability, comparability, and transparency of disclosed information. The study aims to support the development of improved regulatory and operational practices aligned with Islamic accounting principles and relevant standards. The significance of the study is expected to contribute to policy formulation, enhance governance and accountability, and promote best practices in waqf financial reporting within Malaysia's Islamic social finance ecosystem.

Keywords: Waqf Reporting, Regulation, Islamic Finance, Quality.

THE IMPACT OF REGULATORY, TECHNOLOGICAL AND HUMAN FACTORS ON MUTAWALLI'S REPUTATIONAL RISK

NABIHAH BINTI AMINADDIN
SITI NUR AMIRA BINTI OTHMAN & KU NUR ILYANI BINTI KU ABD AZIZ

UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN
nabihah@utar.edu.my

Abstract

Waqf institutions operate within a complex governance environment shaped by decentralized administrative arrangements and diverse management practices, alongside growing expectations for transparency and accountability among stakeholders. Increased attention from donors, beneficiaries, regulators, and the wider public has highlighted areas where financial reporting and disclosure practices may vary across mutawalli institutions. The reputational risk faced by mutawalli institutions has become an increasingly critical concern amid growing public scrutiny of waqf governance and financial accountability. The absence of harmonized accounting and reporting standards has, in some instances, resulted in differences in the scope and clarity of disclosed financial information, which may affect stakeholders' ability to comprehensively assess the management and utilization of waqf assets. These circumstances underscore the potential for reputational risk, as perceptions regarding governance quality and accountability play an important role in shaping institutional credibility, stakeholder confidence, and the long-term sustainability of waqf institutions. This study explores how regulatory frameworks, technological infrastructure, stakeholder pressure, and staff competency influence reputational risk in waqf management. Grounded in Legitimacy Theory, the study argues that mutawalli institutions must demonstrate compliance with regulatory and religious expectations to sustain institutional legitimacy. By examining the interrelationship between governance mechanisms and reputational outcomes, the study seeks to provide insights into how strengthened reporting practices can mitigate reputational risk. The findings are expected to inform policymakers and waqf administrators in developing robust governance structures that enhance accountability, safeguard institutional reputation, and reinforce public trust in waqf institutions.

Keywords: Waqf Reporting, Reputational Risk, Mutawalli

IMMERSIVE VIRTUAL REALITY TRAINING ENVIRONMENT FOR WORKING AT HEIGHTS

NORAZMI BIN FADILAH
ASSOC. PROF. DR. SHARIFAH BT. SYED KHUZZAN ALHABSHI & PROF. DR.
ABDUL RAZAK SAPIAN

KULLIYAH OF ARCHITECTURE AND ENVIRONMENTAL DESIGN, INTERNATIONAL
ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

vnaz82@gmail.com

Abstract

The construction industry is widely recognized as a high-risk work environment, particularly for tasks involving working at heights. Falls from height remain a leading cause of occupational injuries and fatalities worldwide, highlighting persistent limitations in conventional health and safety training approaches. Traditional training methods, which are largely non-immersive and theory-based, are unable to replicate real-world hazardous conditions, resulting in inadequate risk perception, limited experiential learning, and insufficient behavioural preparedness among workers. This paper explores the potential of immersive Virtual Reality (VR) as a contemporary training solution to enhance health and safety awareness for workers engaged in working at height activities. The study justifies the need for a VR training environment for working at heights. The paper proposes the development of an immersive VR-based safety and health training module specifically designed for working-at-height scenarios. This approach seeks to bridge the gap between theoretical instruction and real-world experience through experiential learning. The proposed VR learning environment, named VIRTRON, represents an innovative platform for advancing safety training in hazardous work environments.

Keywords: Virtual Reality, Safety and Health, Working at Heights, Construction Safety Training, Immersive Learning Environment, VIRTRON

STUDENTS' ACCEPTANCE AND EFFECTIVENESS OF PLANPROEVENT IN EVENT ORGANIZATION COURSES

NURHAFIZZAH BINTI TAMSIR

POLITEKNIK MERSING JOHOR
nurhafizzah@tvvet.pmj.edu.my

Abstract

This study examines students' acceptance and perceived effectiveness of the PlanProEvent digital platform in supporting student-led event management within the Diploma in Secretarial Science programme at Politeknik Mersing Johor. Student involvement in organising academic, cultural and sports events forms an important component of experiential learning, as it develops leadership, communication, teamwork and problem-solving skills. However, traditional manual approaches to event management often lead to inefficient communication, fragmented coordination, duplication of tasks and documentation risks. To address these limitations, PlanProEvent was developed as a centralised web-based platform that supports systematic planning, task delegation, real-time monitoring and secure documentation management. A quantitative survey design was employed using a structured online questionnaire administered to students enrolled in the Event Organization course. Forty valid responses were analysed using descriptive statistics. The findings indicate high levels of student acceptance and positive perceptions regarding usability, efficiency, documentation security and skill development. The platform was perceived to enhance task coordination, improve communication and reduce administrative workload. Overall, PlanProEvent is considered a useful instructional tool that supports effective event management and experiential learning. Nevertheless, the study is limited to a single cohort and institution, and future research with larger samples is recommended.

Keywords: Event management, digital platform, cost and time efficiency, document security

INTERVENSI DAN SOKONGAN KESIHATAN MENTAL: KAJIAN DIKALANGAN PELAJAR DI POLITEKNIK MERSING JOHOR

NADIAH BINTI KAMARUDIN
PUZIAHHAIZA BINTI PAZUI

POLITEKNIK MERSING JOHOR (PMJ)
nadiakamarudin@tvvet.pmj.edu.my

Abstrak

Kesihatan mental pelajar institusi pengajian tinggi semakin menjadi isu kritikal berikutan peningkatan tekanan akademik, cabaran penyesuaian sosial serta tuntutan kehidupan seharian. Pemahaman menyeluruh terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar serta bentuk sokongan yang diperlukan amat penting bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong kesejahteraan pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kebimbangan (Generalized Anxiety Disorder-7), tahap stres (Perceived Stress Scale -10) dan mekanisme daya tahan (Coping) responden, perbezaan tahap GAD, PSS dan Coping mengikut semester pengajian dan perbezaan tahap GAD, PSS dan Coping mengikut jabatan di institusi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif berbentuk tinjauan melibatkan pelajar daripada pelbagai program pengajian dan semester. Instrument kajian terdiri daripada soal selidik berstruktur yang merangkumi maklumat demografi, skala kebimbangan, instrumen Perceived Stress Scale-10 bagi mengukur tahap stres, mekanisme daya tahan (Coping) pelajar serta kesan kesihatan mental (psikologi, sosial, akademik) terhadap kehidupan pelajar. Data dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti corak kebimbangan, stres dan sokongan yang dialami oleh pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kebimbangan dan tekanan dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing Johor berada pada tahap rendah hingga minimum, manakala mekanisme daya tindak berada pada tahap sederhana, menandakan keupayaan pelajar mengurus tekanan adalah memadai tetapi masih boleh dipertingkatkan. Walaupun majoriti pelajar menunjukkan kesejahteraan mental yang baik, analisis mendapati wujud perbezaan signifikan tahap kebimbangan dan tekanan mengikut semester pengajian serta perbezaan tahap kebimbangan mengikut jabatan, khususnya antara pelajar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Jabatan Perdagangan. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor akademik dan persekitaran pengajian mempengaruhi tahap kesihatan mental pelajar. Oleh itu, pelaksanaan program intervensi dan sokongan kesihatan mental yang lebih berfokus, bersasar dan berterusan adalah penting bagi memastikan kesejahteraan psikologi pelajar dapat dikekalkan serta diperkukuh, khususnya bagi kumpulan pelajar yang dikenal pasti berisiko.

Katakunci: Kesihatan mental, kebimbangan, stress, mekanisme daya tahan, sokongan emosi

APPLICATION OF KARAKURI MECHANISM TO IMPROVE MATERIAL HANDLING EFFICIENCY: A CASE STUDY ON THE JL/JT ARMREST PRODUCTION LINE

SITI AMINAH BINTI ABDUL GHANI
MUHAMMAD IRFAN DANIAL BIN OTHMAN

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH
sitiaminah.abdulghani@yahoo.com.my

Abstract

This study investigates the use of a traditional Japanese mechanical mechanism, known as Karakuri to improve material handling efficiency in a JL/JT armrest production line at a selected manufacturing company (Company X). The study is focused on the transfer process between the Vision System (VS) and Final Inspection (GP-12) workstations. Material handling is still performed manually in many small and medium-scale manufacturing industries which often results in excessive operator movement, long transportation time, inefficient material flow, and ergonomic risks. The movement of finished products between VS and GP-12 was identified as a main source of nonvalue added activities and cycle time inefficiency. A gravity-driven Karakuri material handling system was designed and implemented to address this issue. The system was designed to reduce manual handling and unnecessary movement while improving material flow without the use of external power sources. A case study was used to observe and evaluate the effectiveness of the improvement. The methodology involved Gemba Walk observations, cycle time measurements, and root cause analysis using the Ishikawa Diagram and the 5 Whys method. A comparative analysis of the production process was performed before and after implementation. The results show that transportation time was reduced by 67.31%, while manual handling was minimized and material flow became smoother. As a result, the workflow became more efficient, operator workload was reduced, and ergonomic conditions improved. This study concludes that Karakuri can serve as a low-cost, energy-free, and practical solution for enhancing material handling efficiency in manufacturing environments.

Keywords: Karakuri Mechanism, Material Handling System, TVET Engineering Practice, Lean Manufacturing, Production Line Improvement

PENINGKATAN KEMAHIRAN MENJAWAB MELALUI PENGGUNAAN WORKBOOK BAGI KURSUS DPK30102 SHORTHAND 3 POLITEKNIK PORT DICKSON

SAPIAH BINTI ISHAK
NOR FAUZIAH BITNI ISMAIL, NOR SUHAILA BINTI TAHIR
POLITEKNIK PORT DICKSON

sapiah@polipd.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk meneliti keberkesanan penggunaan buku kerja (workbook) dalam meningkatkan kefahaman, motivasi, dan kemahiran menjawab soalan dalam kalangan pelajar Kursus DPK30102 Shorthand 3 di Politeknik Port Dickson. Permasalahan utama yang dihadapi oleh pelajar adalah kesukaran dalam menjawab soalan penilaian berterusan, terutamanya apabila kursus tersebut tidak mempunyai peperiksaan akhir. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada penggunaan workbook dapat memberikan impak positif terhadap kefahaman pelajar mengenai topik yang diajar, memotivasi mereka untuk belajar, serta memperbaiki kemahiran mereka dalam menjawab soalan. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif deskriptif. Ianya melibatkan pengambilan sampel secara rawak berstrata dengan melibatkan 70 orang pelajar yang sedang mengikuti kursus ini. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu latar belakang pelajar dan persepsi terhadap penggunaan workbook. Analisis data dilakukan dengan menggunakan Microsoft Excel untuk mengira purata, peratusan, dan frekuensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa 100% pelajar berpendapat bahawa penggunaan workbook membantu mereka memahami topik yang diajar dengan lebih baik. Selain itu, 91% pelajar melaporkan peningkatan dalam motivasi untuk belajar, dan 89% pelajar menyatakan bahawa mereka merasa lebih yakin dalam menjawab soalan penilaian selepas menggunakan workbook tersebut. Implikasi kajian ini menggambarkan betapa pentingnya penggunaan bahan bantu mengajar yang berkesan, seperti workbook, dalam proses pengajaran dan pembelajaran, yang secara langsung dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar. Penggunaan workbook bukan hanya membantu dalam meningkatkan minat dan kefahaman pelajar, tetapi juga berupaya menjadi faktor motivasi yang signifikan bagi mereka untuk mencapai keputusan pembelajaran yang lebih baik. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar penggunaan workbook diteruskan dan ditambah baik ke arah mengukuhkan lagi keberkesanannya dalam pendidikan, serta menekankan perlunya kajian seterusnya untuk mendapatkan perspektif yang lebih luas mengenai manfaatnya kepada pelajar. Diharapkan hasil kajian ini dapat membantu penggubal kurikulum dan pendidik dalam merancang dan mengimplementasikan bahan pembelajaran yang lebih efektif.

Kata kunci: workbook; pengajaran dan pembelajaran; motivasi

KAJIAN TINJAUAN TERHADAP PERANAN AI SEBAGAI RAKAN PEMBELAJARAN DIGITAL BAGI PELAJAR ASASI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

NIK SYAHRUL FAIZAL BIN NIK MAT
NORFAZILAH BINTI MOHAMAD PON
SABRINA BINTI MILAN

POLITEKNIK KUCHING SARAWAK
n.syahrul@poliku.edu.my

Abstrak

Integrasi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence - AI) telah memberi kesan terhadap gaya pembelajaran di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Meskipun penggunaan AI dalam tugas pelajar sering kali dikaitkan dengan isu salah guna dan integriti akademik, potensi AI sebagai instrumen sokongan pembelajaran secara berhemah memerlukan penelitian lanjut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka penggunaan AI sebagai rakan pembelajaran dalam tugas akademik pelajar asasi di Politeknik Kuching Sarawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif melibatkan seramai 24 orang pelajar asasi. Instrumen kajian adalah soal selidik berskala Likert yang menilai cara penggunaan AI, persepsi pelajar terhadap peranan AI sebagai rakan pembelajaran, serta pengalaman dan faedah penggunaan AI dalam menyelesaikan tugas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar menggunakan AI dalam tugas dan menyokong pembelajaran sendiri. Pelajar juga mempunyai persepsi positif terhadap AI sebagai rakan pembelajaran yang membantu untuk meningkatkan kefahaman dan keyakinan dalam menyiapkan tugas. Kajian ini merumuskan bahawa AI berpotensi berfungsi sebagai alat sokongan pembelajaran yang berkesan bagi pelajar asasi apabila digunakan secara beretika dan berfokuskan pembelajaran.

Kata kunci: Kecerdasan Buatan, Rakan Pembelajaran, Pelajar Asasi, Tugas Akademik, Politeknik

**PENILAIAN KEBOLEHGUANAAN DAN PENERIMAAN ANIMALFOODTECH BOT
SEBAGAI ALAT PEMBELAJARAN DIGITAL BAGI KURSUS PROCESSING
TECHNOLOGY OF ANIMAL PRODUCTS**

SULAIHAH DOLLAH

MOHD IZAMUDIN ITAM AHMED, WAN FATIMAH WAN MOHD NOWALID

POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH & KOLEJ KOMUNITI PASIR SALAK

sulaihah@polisas.edu.my

Abstrak

Penggunaan teknologi digital seperti Telegram bot semakin mendapat perhatian dalam bidang pendidikan kerana kemampuannya menyediakan akses pembelajaran yang mudah, pantas dan interaktif. *AnimalFoodTech Bot* telah dibangunkan sebagai alat pembelajaran digital bagi kursus *Processing Technology of Animal Products* di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah. Kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kebolehgunaan serta penerimaan pengguna terhadap fungsi dan kandungan yang disediakan melalui *AnimalFoodTech Bot*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian iaitu demografi, reka bentuk dan antara muka, kebolehgunaan, serta tahap penerimaan pengguna. Seramai 63 orang pelajar yang mengikuti kursus *Processing Technology of Animal Products* dipilih sebagai sampel kajian dan soal selidik diedarkan melalui platform *google form*. Data dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan nilai min dan sisihan piawai. Hasil analisis menunjukkan bahawa penilaian reka bentuk dan antara muka *AnimalFoodTech Bot* mencatatkan purata skor min yang tinggi iaitu 4.42 ± 0.64 . Selain itu, aspek kebolehgunaan dan penerimaan *AnimalFoodTech Bot* juga berada pada tahap tinggi dengan purata skor min masing-masing adalah 4.43 ± 0.61 dan 4.50 ± 0.62 . Dapatan ini menunjukkan pengguna berpuas hati dengan fungsi, kandungan pembelajaran serta pengalaman keseluruhan menggunakan bot ini. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa *AnimalFoodTech Bot* mempunyai potensi yang besar sebagai alat pembelajaran digital yang berkesan dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan fleksibel.

Keywords: *AnimalFoodTech Bot*, pembelajaran digital, kebolehgunaan, penerimaan

PERANAN PENGURUSAN ACARA DALAM MEMBENTUK KEMAHIRAN KEPIMPINAN PELAJAR

FATIN SALWA BINTI MAT YUSOF

POLITEKNIK MERSING, JOHOR

fatinsalwa@tvvet.pmj.edu.my

Abstrak

Generasi muda masa kini sering dikaitkan dengan kelemahan dalam aspek kepimpinan, kurang daya tahan, serta keupayaan menyelesaikan masalah secara berkesan. Persepsi ini menimbulkan kebimbangan, khususnya dalam konteks dunia profesional yang semakin kompetitif dan mencabar. Justeru, penglibatan pelajar dalam aktiviti pengurusan acara dilihat berpotensi menjadi medium pembelajaran berasaskan pengalaman yang mampu membentuk kemahiran kepimpinan secara lebih praktikal. Kajian ini bertujuan menilai peranan pelajar dalam pengurusan acara serta kepentingannya dalam membangunkan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing. Secara khusus, kajian ini mempunyai dua objektif utama, iaitu (i) mengenal pasti bagaimana aktiviti pengurusan acara membantu pelajar membina kemahiran kepimpinan, dan (ii) menilai tahap kepentingan aktiviti tersebut terhadap perkembangan diri pelajar dari segi organisasi, komunikasi dan kerjasama. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan, melibatkan 57 orang pelajar sebagai sampel. Instrumen kajian ialah soal selidik skala Likert 5 mata yang dibangunkan sendiri serta melalui proses semakan bagi memastikan kesahan kandungan. Tahap kebolehpercayaan instrumen ditentukan menggunakan pekali Cronbach Alpha, manakala analisis data dijalankan secara deskriptif. Tahap kemahiran kepimpinan ditentukan berdasarkan nilai min dan ditafsir mengikut skala yang dicadangkan oleh Ngadiman et al. (2019): 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana), dan 4.00–5.00 (Tinggi). Dapatan kajian menunjukkan aktiviti menyelaras acara mencatat peratusan tertinggi (82.1%), menandakan elemen tersebut merupakan komponen penting dalam pengurusan acara yang menyumbang kepada pembinaan kepimpinan pelajar. Selain itu, aktiviti yang berkaitan komunikasi, kerjasama, pengurusan masa dan pengagihan tugas turut menunjukkan tahap kepentingan yang tinggi dalam memperkukuh keyakinan, keupayaan membuat keputusan, serta pengendalian tanggungjawab secara sistematik. Implikasi kajian mencadangkan institusi memperluas peluang pelajar memegang peranan jawatankuasa utama, disertai bimbingan pensyarah dan refleksi pasca acara bagi memantapkan pembelajaran. Kajian ini juga menekankan keperluan penilaian berterusan dan latihan komunikasi formal agar keberkesanan pengurusan acara dapat dimaksimumkan dalam kalangan semua peserta. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan acara berupaya menjadi platform pembelajaran yang efektif dalam meningkatkan kemahiran kepimpinan pelajar, serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang potensi aktiviti berasaskan pengalaman dalam konteks pendidikan tinggi TVET.

Keywords: Pengurusan Acara, Kemahiran Kepimpinan, Pendidikan TVET, Aktiviti Pembelajaran

DIMENSI CABARAN PdP BENGKEL TVET DI POLITEKNIK DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PEMBELAJARAN

NORLIN BT IBRAHIM
NORLIZA BT MOHD ZAWI & MOHD HASBI B MAT ZAIN

POLITEKNIK KOTA BHARU, KELANTAN

norlin@pkb.edu.my

Abstrak

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berasaskan bengkel merupakan teras utama dalam pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di institusi politeknik. Walau bagaimanapun, proses PdP kerja amali di bengkel masih berhadapan dengan pelbagai cabaran yang menjejaskan keberkesanan pembelajaran dan penguasaan kemahiran pelajar. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dimensi cabaran dalam pelaksanaan PdP kerja amali di bengkel TVET, menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan PdP bengkel, serta membangunkan satu kerangka konsep dimensi cabaran PdP bengkel berasaskan dapatan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan mod gabungan (mixed-method) dengan reka bentuk eksploratori berperingkat. Data kuantitatif dikumpul melalui soal selidik melibatkan 135 orang pelajar Program Diploma Ukur Bahan yang mengikuti kursus Teknologi Binaan 1 di Politeknik Kota Bharu, manakala data kualitatif diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama pensyarah dan instruktur bengkel. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif menggunakan skor min dan peratusan, manakala data kualitatif dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi keselamatan bengkel berada pada tahap tinggi, manakala dimensi fasiliti dan infrastruktur, pendekatan pedagogi serta penggunaan teknologi berada pada tahap sederhana hingga sederhana rendah. Analisis kualitatif pula mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan PdP bengkel, iaitu kecukupan peralatan, kompetensi dan pengalaman pengajar, pendekatan pedagogi, integrasi teknologi, pengurusan bengkel serta sokongan institusi. Sintesis dapatan kajian seterusnya membolehkan pembinaan satu kerangka konseptual dimensi cabaran PdP bengkel TVET berasaskan integrasi pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi melalui kerangka Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK). Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap cabaran pelaksanaan PdP bengkel TVET serta menyediakan satu panduan konseptual dan praktikal bagi menyokong penambahbaikan PdP bengkel secara sistematik, kontekstual dan berimpak tinggi.

Kata kunci: TVET, PdP bengkel, kerja amali, dimensi cabaran, TPACK, politeknik

**TINJAUAN KESEDARAN DAN AMALAN PENGURUSAN SISA ORGANIK DARI
RUMAH DI KALANGAN PELAJAR JABATAN KEJUTERAAN AWAM POLITEKNIK
SULTAN AZLAN SHAH**

ZAKIAH BT AKSAH
AYUNI BINTI MD YUSOF

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

zakiah@psas.edu.my; ayuni@psas.edu.my

Abstrak

Kesedaran dan pembentukan tingkah laku pelajar terhadap pengurusan sisa organik merupakan aspek penting dalam pendidikan alam sekitar yang berkait rapat dengan psikologi pendidikan, khususnya dari segi sikap, pengetahuan dan amalan lestari. Kajian ini bertujuan untuk membuat tinjauan kesedaran serta amalan pengurusan sisa organik dari rumah dalam kalangan pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Sultan Azlan Shah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik yang melibatkan seramai 79 orang pelajar sebagai responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan jenis sisa dapur yang boleh diolah menjadi baja organik atau baja kompos, khususnya kulit telur sebanyak 69.6%, kulit buah-buahan 67.1%, perut dan kepala ikan 57.0%. Walau bagaimanapun, dari sudut tingkah laku sebenar, kebanyakan pelajar masih mengamalkan kaedah pelupusan konvensional dengan membuang sisa makanan ke dalam tong sampah yang dikutip oleh pihak berkuasa tempatan sebanyak 81.8% dan hanya sebilangan kecil yang mengamalkan pengolahan sisa makanan secara sendiri iaitu 20.8%. Justeru, dapatan juga menunjukkan wujudnya jurang antara kesedaran kognitif dan pengamalan tingkah laku lestari, yang mencerminkan cabaran dalam proses pembentukan sikap dan perubahan tingkah laku pelajar. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pendekatan pendidikan berasaskan psikologi pendidikan, seperti pembelajaran berpengalaman, pengukuhan tingkah laku positif dan intervensi berfokuskan sikap, diterapkan bagi meningkatkan amalan pengurusan sisa organik secara berkesan di kalangan pelajar.

Kata kunci: Pendidikan alam sekitar, sikap pelajar, pengurusan sisa organik, kesedaran kognitif

PENERIMAAN PENGGUNA TERHADAP SABUN BERASAKAN MINYAK MASAK TERPAKAI RESOAPK

SITI NUR HASLINDA BINTI DAMANHURI
JALANI BIN JASA, SITI SANISAH BINTI HUSAINI

KOLEJ KOMUNITI PASIR SALAK
lindamanhuri@kkpsa.edu.my

Abstrak

Sabun ReSoaPK ialah sabun yang diinovasikan berasaskan minyak masak terpakai. ReSoaPK berfungsi sebagai sabun yang boleh digunakan untuk cucian tangan harian. Minyak masak yang telah digunakan selalunya dibuang ke dalam saluran air. Hal ini menyebabkan risiko kepada pencemaran air dan saluran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian iaitu demografi dan tahap penerimaan pengguna. Kajian soal selidik penerimaan telah dijalankan bagi menilai tahap penerimaan 80 responden yang merupakan warga Kolej Komuniti Pasir Salak terhadap ReSoaPK. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhan, tahap penerimaan pengguna terhadap ReSoaPK pada tahap tinggi dengan purata min skor $\pm 3.76 \pm 0.75$. Ini menunjukkan responden yakin untuk mencuba produk ReSoaPK yang berasaskan minyak masak terpakai. Bagi cadangan penambahbaikan, ujian makmal boleh dilakukan ke atas ReSoaPK untuk mengetahui kandungan mineral dan vitamin sekaligus memastikan ReSoaPK bebas daripada bahan kimia berbahaya kepada pengguna.

Kata Kunci: Minyak masak terpakai, sabun, ReSoaPK

**KAJIAN ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN TRAINER METER TENAGA
BERASASKAN ARDUINO BAGI MENYOKONG PEMBELAJARAN PENGIRAAN TARIF
ELEKTRIK BAGI PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK KOMUNIKASI**

MOHD RIDZUAN BIN ABDUL RAHMAN
SAZALI BIN HUSIN, AZLINA BINTI ABDUL AZIZ

POLITEKNIK MUKAH

sazali.husin81@gmail.com

Abstrak

Pengiraan tarif elektrik domestik merupakan hasil pembelajaran berasaskan aplikasi yang penting dalam kursus Pendawaian Elektrik bagi Program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi). Namun, pengajaran dan pembelajaran (PdP) sedia ada didapati lebih tertumpu kepada pengiraan teori tanpa melibatkan bacaan penggunaan tenaga elektrik sebenar. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk melaksanakan analisis keperluan bagi pembangunan Trainer Meter Tenaga Berasaskan Arduino sebagai medium sokongan amali PdP. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan yang melibatkan 12 orang pelajar sebagai responden. Instrumen kajian ialah soal selidik berskala Likert lima mata yang merangkumi aspek kefahaman pelajar, amalan PdP sedia ada, keperluan, dan penerimaan terhadap pembangunan trainer. Analisis data dijalankan secara statistik deskriptif menggunakan nilai min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap pengiraan tarif elektrik berada pada tahap sederhana (Min = 3.04), manakala amalan PdP sedia ada menunjukkan kebergantungan tinggi kepada pendekatan teori (Min = 4.38). Selain itu, tahap keperluan (Min = 4.58) dan penerimaan pelajar (Min = 4.63) terhadap pembangunan Trainer Meter Tenaga Berasaskan Arduino adalah tinggi. Kesimpulannya, dapatan kajian ini memberikan justifikasi empirikal yang jelas terhadap keperluan pembangunan trainer tersebut dan menjadi asas kepada kajian Fasa 2 yang melibatkan pembangunan serta penilaian keberkesanan produk.

Keywords: Trainer Meter, Arduino, Pengiraan Tarif Elektrik, Keperluan Pembangunan

**KAJIAN PENGGUNAAN LINKTREE SEBAGAI HAB RUJUKAN DIGITAL SISTEM
PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015 DI JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK PORT DICKSON**

SUHaida BINTI JAMLUS
NUR SA'ADAH BINTI MOHD HISAM

POLITEKNIK PORT DICKSON

suhaida.j@polipd.edu.my

Abstrak

Kajian Penggunaan Linktree Sebagai Hab Rujukan Digital Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 di Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson. Pengurusan dokumentasi kualiti yang efisien merupakan tunjang utama dalam mengekalkan standard MS ISO 9001:2015 di institusi pendidikan. Kajian ini dijalankan untuk menilai persepsi pensyarah terhadap penggunaan platform Linktree sebagai hab rujukan digital bagi memudahkan capaian dokumen kualiti di Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson. Kajian ini memfokuskan kepada tiga konstruk utama iaitu: Persepsi Kebolehgunaan, Persepsi Mudah Diguna dan Keinginan Bertingkah Laku. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kuantitatif melalui edaran soal selidik kepada 54 orang responden. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS 25 dengan nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha yang sangat tinggi iaitu 0.949. Hasil dapatan menunjukkan bahawa persepsi pensyarah berada pada tahap Sangat Tinggi bagi kesemua konstruk. Persepsi Kebolehgunaan mencatatkan purata min 4.77 manakala Persepsi Mudah Diguna mencatatkan min 4.74. Yang paling signifikan, Keinginan Bertingkah Laku mencatatkan skor min tertinggi iaitu 4.78 di mana pensyarah bersetuju bahawa Linktree berjaya mengurangkan risiko ralat capaian dokumen yang sah dan terkini serta risiko kehilangan atau kerosakan dokumen fizikal. Secara keseluruhan, inisiatif digital ini selaras dengan tuntutan Klausula 7.5 MS ISO 9001:2015 melalui jaminan integriti maklumat, ketersediaan dokumen yang mudah dicapai dan menjadi pemangkin kepada budaya penambahbaikan berterusan dalam sistem pengurusan kualiti institusi pendidikan.

Kata Kunci: Hab Rujukan Digital, Pendigitalan Dokumen, MS ISO 9001:2015, Model Penerimaan Teknologi (TAM)

THE IMPACT OF FINANCIAL MANAGEMENT PRACTICES ON ACCOUNTABILITY OF MALACCA MOSQUE GOVERNANCE (MMG)

TUTY BINTI KAMIS
NOOR AZIRA BINTI SAWAL
ROSMARIA BINTI ISMAIL

POLITEKNIK MELAKA

tuty@polimelaka.edu.my

Abstract

Mosque institutions play an important role in Muslim society, functioning not only as places of worship but also as centers of education, social welfare and community development. To date, the scope of mosque activities has expanded significantly, resulting in increased financial responsibilities related to donations, waqf funds, zakat distribution, educational programs and community service. As a result, effective mosque financial management has become a critical factor in ensuring institutional sustainability, accountability and stakeholder/ public trusts. This study aims to examine the role of financial management practices, which consist of expenditure planning, internal control on revenue and internal control on payment on mosque governance accountability in Malacca (MMG). Questionnaires were administered to 158 mosque committees across Melaka district. Findings were analysed using Smart-PLS to examine the relationships between financial management practices and accountability. Results of this study indicate a significant positive effect between internal controls over revenue and payments on accountability and a negative effect of expenditure planning on accountability. This study has implicated the significant role of financial management practices in mosque governance in the pursuance of their accountability especially expenditure planning to achieve stakeholder support and public trusts. Appropriate financial management practices, especially expenditure planning, are essential for the MMG to achieve good accountability. This study contributes to the field of financial, management and governance by providing empirical evidence on MMG practices specifically on financial management practices and accountability. This framework is also an initial attempt at studying accountability issues in MMG.

Keywords: Financial management, Accountability, Mosque Governances, Internal Control

DETERMINANTS OF ONLINE RETAILERS' INTENTION TO ADOPT VIRTUAL REALITY (VR) TECHNOLOGY IN MALAYSIA

Che Siti Lazrina Bt Md Lazim
Sharmeela Banu Binti Syed AbuThahir

UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN, KAMPAR

lazrina@utar.edu.my

Abstrak

Technology becomes one of the most important innovations in the new generation with high growing rate of people's lifestyle. The technology will continue to create a new innovation in coming years to be more convenient in people's lifestyle. Virtual reality is one of the technologies that launched in recent years and it has a great potential to help in many industries, especially in online retailing. In order to be competitive in the industry, marketers start to emphasize in technology which can be more attractive and convenience online buyers. Therefore, this study attempts to examine the willingness to adopt new technology within the online based retailing in Malaysia. The Theory of Reasoned Action (TRA) and Theory of Planned Behaviour (TPB) have been applied to investigate the relationship between behaviour, social influence and self-efficacy to adopt virtual reality technology in Malaysia among online retailers. The study could introduce a few recommendations to the retailers to adopt VR when they perceive it as useful for improving customer experience, increasing sales, and gaining competitive advantage, and when the technology is easy to use and integrate with existing systems.

Keywords: Virtual Reality, Online Retailers, Technology Adoption, Malaysia

PUASA RAMADAN DAN KESIHATAN KENDIRI PELAJAR POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR

RUSHIDAH BINTI MD ROSDI
MOHD ALIF AIMAN BIN ASARI
RADHIAH BINTI ISMAIL

POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR
rushidah.md.rosdi@pmkl.edu.my

Abstrak

Puasa Ramadan merupakan amalan ibadah yang bukan sahaja mempunyai dimensi kerohanian malah turut mempengaruhi kesihatan sendiri dan rutin harian para pelajar. Bagi pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur pelaksanaan puasa berlangsung seiring dengan tuntutan akademik yang berterusan yang menuntut keupayaan penyesuaian diri bagi mengekalkan kesejahteraan fizikal dan mental. Kajian ini bertujuan menilai kefahaman, amalan dan hubungannya dengan kesihatan sendiri sepanjang Ramadan dalam kalangan pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur. Penyelidikan ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan keratan rentas melibatkan 124 orang pelajar beragama Islam. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik berstruktur dan dianalisis secara deskriptif serta inferensi. Analisis kebolehpercayaan menunjukkan tahap konsistensi dalaman yang baik bagi konstruk kesihatan sendiri sepanjang Ramadan dengan nilai Cronbach's alpha 0.872. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kefahaman tentang puasa Ramadan mencatatkan nilai min tertinggi iaitu $M = 4.50$ $SD = 0.55$. Ini diikuti oleh kesihatan sendiri sepanjang Ramadan dengan $M = 4.16$ $SD = 0.65$ dan amalan sepanjang bulan Ramadan dengan $M = 4.05$ $SD = 0.59$. Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara semua konstruk kajian pada aras keertian 0.01. Hubungan antara kefahaman tentang puasa Ramadan dan amalan sepanjang bulan Ramadan adalah sederhana dengan $r = 0.457$ $p < .01$. Hubungan paling kuat diperhatikan antara amalan sepanjang bulan Ramadan dan kesihatan sendiri sepanjang Ramadan dengan $r = 0.528$ $p < .01$. Secara keseluruhan kajian ini membuktikan bahawa kefahaman dan amalan puasa Ramadan yang positif berkait secara signifikan dengan kesihatan sendiri pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur sepanjang Ramadan. Dapatan ini boleh dijadikan asas kepada kajian lanjutan berskala lebih besar serta perancangan sokongan kesejahteraan pelajar.

Kata Kunci: Puasa Ramadan; Kesihatan sendiri; Pelajar politeknik

KAJIAN TAHAP PENGGUNAAN DAN PENERIMAAN PLATFORM PEMBELAJARAN DIGITAL KOLABORATIF DALAM PEMBELAJARAN PELAJAR IT DI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

SABRINA BINTI MILAN
NORFAZILAH BINTI MOHAMAD PON
NIK SYAHRUL FAIZAL BIN NIK MAT

POLITEKNIK KUCHING SARAWAK
sabrina@poliku.edu.my

Abstrak

Perkembangan teknologi digital telah mendorong penggunaan platform pembelajaran digital kolaboratif dalam pendidikan tinggi, termasuk di politeknik, kerana ia menyokong komunikasi, perkongsian bahan pembelajaran, dan tugas berkumpulan. Walau bagaimanapun, penerimaan dan penggunaan sebenar platform ini oleh pelajar masih memerlukan penelitian, khususnya di Politeknik Kuching Sarawak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan dan penggunaan platform pembelajaran digital kolaboratif dalam kalangan pelajar Teknologi Maklumat (IT), dengan fokus kepada kemudahan penggunaan, manfaat platform terhadap pembelajaran, kecenderungan penggunaan, dan penggunaan sebenar. Pendekatan kuantitatif dan kaedah pensampelan bertujuan (purposive sampling) dipilih untuk mendapatkan responden pelajar IT. Data dikumpul melalui soal selidik dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif termasuk min, median, dan mod. Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai tahap penerimaan dan penggunaan platform yang tinggi. Untuk penambahbaikan, antara cadangannya termasuk memperkukuh amalan pembelajaran kolaboratif digital, meningkatkan literasi digital, menyepadukan platform dalam reka bentuk pengajaran, dan memperbaiki sokongan infrastruktur serta dasar institusi. Kajian masa hadapan disarankan melibatkan responden lebih luas dari pelbagai program dan institusi bagi membolehkan perbandingan antara bidang pengajian dan meningkatkan kebolegunaan dapatan dalam konteks pendidikan tinggi yang lebih luas.

Kata Kunci: Digital Kolaboratif, Penerimaan Teknologi, Penggunaan Teknologi, Technology Acceptance Model (TAM)

STRATEGI MENINGKATKAN PRESTASI PEPERIKSAAN AKHIR PELAJAR WORKSHOP TECHNOLOGY SEMESTER 1 POLITEKNIK PORT DICKSON

SHAFATULNAÍM BINTI SHAMSUDDIN
MOHD SALLEHUDDIN BIN YAZID
HELLY SUHAILLA BINTI SOLAIMAN

POLITEKNIK PORT DICKSON

shaifatulnaim@polipd.edu.my

Abstrak

Pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Port Dickson perlu mengambil kursus *Workshop Technology* (Teknologi Worksop) kerana kursus ini adalah merupakan kursus teras yang wajib diambil dan wajib lulus oleh para pelajar. Tetapi, kebelakangan ini terdapat isu yang membimbangkan iaitu ramai pelajar gagal dalam peperiksaan akhir Teknologi Worksyop. Oleh yang demikian, penyelidik telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti strategi pembelajaran untuk mengatasi masalah pelajar gagal semasa peperiksaan akhir Teknologi Worksyop. Kajian ini menggunakan soal selidik berskala nominal yang diedarkan secara dalam talian dan ditadbir sendiri. Item soal selidik dibangunkan berdasarkan tinjauan awal pelajar dan merangkumi strategi cadangan mereka, iaitu: (1) menyediakan soalan peperiksaan akhir secara interaktif, (2) menyediakan nota kuliah Bahasa Melayu, (3) menumpukan latihan topik tertentu, (4) membuat kelas untuk lakaran, dan (5) menyediakan nota setiap bab dalam bentuk peta minda. Sampel kajian terdiri daripada 37 pelajar Politeknik Port Dickson dari dua program, mewakili 50% populasi pelajar subjek ini. Teknik pensampelan rawak digunakan, dan data dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk menentukan strategi pilihan utama berdasarkan peratusan tertinggi. Secara rumusnya, hasil analisis deskriptif menunjukkan majoriti pelajar memilih strategi pembelajaran iaitu pensyarah perlu menyediakan nota kuliah dalam Bahasa Melayu dan menyediakan nota dalam bentuk peta minda. Sementara itu strategi yang tidak mendapat sambutan adalah membuat kelas lakaran (5.4% sahaja). Kajian ini penting dalam mengetahui strategi pembelajaran pilihan utama pelajar bagi membantu pelajar lemah dalam subjek Teknologi Worksyop.

Kata Kunci: Teknologi Worksyop, Strategi, Peperiksaan Akhir

VR-GUIDED WALL MURAL (VRGWM): A PRACTICE-BASED INNOVATION FOR COMMUNITY AND TVET-ORIENTED MURAL SKILLS

TS. DR. AHMAD SID HIJAZ BIN MD SAAID*
'AZZATUNISA BINTI AHMAD ZUBIR
NIK SYAMSUL BAHARUM BIN NIK BAHARI SHAH
GS. SARINA BINTI ELIAS

POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

*dashijaz@polimas.edu.my

Abstract

Public mural art is widely recognised as a medium for placemaking, educational engagement, and community revitalisation. However, conventional mural production remains highly dependent on artistic expertise, manual image-transfer techniques, and specialised equipment, limiting accessibility and scalability within educational and community contexts. This paper presents the VR-Guided Wall Mural (VRGWM) approach, a practice-based innovation that integrates immersive virtual reality (VR), embodied spatial cognition, and manual execution to support scalable mural skills development. Originating from community-based mural initiatives led by the ARCTOP group at Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), VRGWM evolved from conventional practices into a digitally supported workflow aligned with digitalisation, artificial intelligence (AI), and Technical and Vocational Education and Training (TVET) priorities. Implemented through real-world mural projects and a phased development roadmap (2025–2028), VRGWM demonstrates improved spatial accuracy, participant confidence, and inclusive participation among non-professional practitioners. The findings position VRGWM as a promising and sustainable framework for skills-oriented mural practice that supports national aspirations outlined in the Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035.

Keywords: Virtual Reality; Public Mural Art; Embodied Learning; TVET; Digital Skills

DIGITAL LEARNING MANAGEMENT: LEADERSHIP CHALLENGES IN TECHNICAL EDUCATION

WAN NOR AZIDA BINTI WAN ALI

POLYTECHNICS OF HULU TERENGGANU
azidafrina76@gmail.com

Abstract

The rapid advancement of digital technologies has significantly transformed teaching and learning practices in Technical and Vocational Education and Training (TVET) institutions, particularly Malaysian polytechnics. In response to national digitalization initiatives and the demands of Industry 4.0, polytechnics have increasingly adopted digital and blended learning approaches supported by learning management systems and online instructional tools. However, the effectiveness of digital learning management in these institutions remains uneven, with leadership-related challenges emerging as a critical factor influencing successful implementation. This study aims to examine the leadership challenges associated with digital learning management in Malaysian polytechnics from a quantitative perspective. A cross-sectional survey design was employed, involving lecturers from selected Malaysian polytechnics as respondents. Data were collected using a structured questionnaire measuring digital leadership competency, educational leadership style, organizational support, lecturer readiness, infrastructure and technology, organizational culture, and the effectiveness of digital learning management. The data were analysed using descriptive and inferential statistical techniques, including correlation and multiple regression analyses, to determine the relationships between leadership-related factors and digital learning management effectiveness. The findings are expected to reveal that leadership digital competency, supportive leadership practices, and organizational support significantly influence the effectiveness of digital learning management in Malaysian polytechnics. In addition, lecturer readiness, infrastructure, and organizational culture are anticipated to play mediating roles in strengthening or constraining the impact of leadership on digital learning practices. The study highlights that leadership challenges in digital transformation extend beyond technological provision and encompass human, organizational, and cultural dimensions.

Keywords: digital learning management, educational leadership, polytechnics, TVET, Malaysia

DETERMINANTS OF IMPOSED ACCOUNTABILITY IN CORPORATE ZAKAT PAYMENT DECISIONS: AN INSTITUTIONAL WORK PERSPECTIVE

SITI MAZIAH AB RAHMAN
RUSTAM SHAARI
KHALID BIN ABDUL WAHID
ADEEBA NAJIHAH BINTI MOHD ZAKI

Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA Kelantan
(Email: maziah650@uitm.edu.my)

Abstract

Corporate zakat payment remains a persistent governance challenge among corporate entities, particularly in institutional environments where accountability is externally imposed rather than internally embedded. Drawing on Institutional Work Theory, this study examines how imposed accountability mechanisms influence corporate zakat payment decisions within the corporate sector. Specifically, the study investigates the roles of leadership support, stakeholder engagement, and accountability communication as key determinants shaping organizational responses to imposed accountability pressures. Using a quantitative research design, data were collected from corporate zakat decision-makers across selected corporate organizations and analyzed using structural equation modeling. The findings indicate that leadership support plays a foundational role in legitimizing zakat obligations internally by translating regulatory and normative pressures into organizational commitment. Stakeholder engagement significantly strengthens compliance by reinforcing normative expectations and enhancing organizational legitimacy. Meanwhile, accountability communication emerges as a critical mechanism that enables organizations to internalize imposed accountability demands through transparent disclosure, reporting, and structured interaction with relevant stakeholders. From an institutional work perspective, the results demonstrate that corporate zakat payment decisions are not merely compliance-driven but are actively constructed through purposive organizational actions that create, maintain, and reinforce accountability structures. This study contributes to the zakat governance literature by extending Institutional Work Theory into the domain of Islamic social finance and provides practical insights for zakat authorities and policymakers in designing accountability frameworks that encourage sustainable corporate zakat compliance beyond regulatory enforcement.

Keywords: Corporate Zakat, Imposed Accountability, Institutional Work Theory, Leadership Support, Stakeholder Engagement, Accountability Communication

BETWEEN FARA'ID AND ESTATE PLANNING: WASIYYAH AND HIBAH IN MANAGING UNCLAIMED MUSLIM ESTATES IN MALAYSIA

SITI MAZIAH AB RAHMAN
RUSTAM SHAARI
WAN MOHD FIRDAUS WAN MOHAMAD
AZAHAR YUSOF
ADEEBA NAJIHAH BINTI MOHD ZAKI

Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA Kelantan
(Email: maziah650@uitm.edu.my)

Abstract

Islamic estate planning is regarded as an act of worship, comparable to marriage or providing gifts to one's children, and serves as a vital component of financial and spiritual responsibility in Islam. In contrast, Islamic inheritance (fara'id) is a mandatory obligation explicitly ordained by Allah in the Qur'an. Estate planning instruments, such as wasiyyah (wills), enable a testator to allocate up to one-third of their estate to non-fara'id heirs. In the absence of a will, the estate is distributed strictly according to fara'id principles, and the responsibility of execution typically falls upon the spouse, eldest son, or nearest male relative. This study employs a descriptive qualitative research methodology, drawing upon secondary sources including books, academic journals, newspapers, and credible online materials. Numerous Malaysian scholars have highlighted the persistent issue of unclaimed estates (harta tak tuntutan) following a person's death and have advocated for more effective mechanisms to address this problem. The author explores Islamic estate planning practices and the role of instruments such as wasiyyah and hibah in mitigating the accumulation of unclaimed property in Malaysia. The findings suggest that implementing wasiyyah as a strategic tool in estate planning—where conditions are met—can significantly reduce unclaimed property accumulation. Furthermore, the use of grants should be limited to cases involving complex fara'id distribution or lengthy legal procedures. In accordance with the teachings of the Prophet Muhammad (peace be upon him), equality must be maintained when presenting gifts (hibah) among children to avoid injustice and disputes. Where no valid reason for unequal distribution exists, inheritance should be executed in line with Islamic law (fara'id).

Keywords: Islamic estate planning, gift (Hibah), bequest (wasiyyah), Islamic law of inheritance (fara'id)

STRESS AND ITS EFFECTS ON PSYCHOLOGICAL AND ACADEMIC WELL-BEING AMONG UNIVERSITY STUDENTS: EVIDENCE FROM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SITI MAZIAH AB RAHMAN
RUSTAM SHAARI
NUR HAZELEN MAT RUSOK
AZAHAR YUSOF
ADEEBA NAJIHAH BINTI MOHD ZAKI

Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA Kelantan
(Email: maziah650@uitm.edu.my)

Abstract

This study investigates the impact of stress among students at Universiti Teknologi MARA (UiTM) and its effects on psychological and academic well-being in the context of increasing academic workloads, financial pressures, and social expectations. Stress has become a major concern among university students as it can negatively influence emotional, cognitive, and physical health. Using a cross-sectional quantitative design, data were collected from 67 UiTM students through an online questionnaire administered via Google Forms. The research instrument comprised demographic questions and a structured stress assessment scale measuring emotional and behavioural stress indicators, while students' well-being was evaluated in terms of concentration, emotional stability, friends and family relationships and financial conditions of the student. The data were analysed using descriptive statistics, correlation analysis, and regression analysis to identify significant relationships between stress levels and well-being outcomes. The findings indicate that higher stress levels are associated with greater psychological distress, poorer sleep quality, reduced academic focus, and increased emotional instability. These results emphasise the need for effective stress-management initiatives, awareness programmes, and accessible counselling services within the university, highlighting the importance of early intervention and strong support systems to promote healthier coping strategies among UiTM students.

Keywords: stress, university students, social environment, family relationships, financial stability, mental health.

JAWATANKUASA PENGANJURAN

PENGERUSI

Assoc. Prof. Ts. Dr. Noormaizatul Akmar Binti Ishak (UniMAP)

PENGARAH PROGRAM

Encik Zaim Shah Adnan@Nasir (Academic Inspired Network)

REVIEWER

Muhammad Naqib bin Mat Yunoh (Universiti Malaysia Kelantan)
Dr. Mohd Safwan bin Ghazali (Universiti Malaysia Kelantan)
Dr. Hana Yazmeen binti hapez (Universiti Malaysia Kelantan)
Dr. Amira binti Jamil (Universiti Malaysia Kelantan)
Mahathir Muhamad (Universiti Malaysia Kelantan)
Abd Aziz Mat Hassan (Universiti Malaysia Kelantan)
Zulkarami Che Musa (Universiti Malaysia Kelantan)
Hazyati Hashim (Universiti Malaysia Kelantan)
Nur A'mirah Binti Mohd Yaziz (Universiti Malaysia Kelantan)
Nurul Azwa Binti Mohamed Khadri (Universiti Malaysia Kelantan)
Che Siti Lazrina Binti Md Lazim (Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampar)
Dr Azmin bin Pullong (Universiti Teknologi Mara)
Dr Hanimastura Binti Hashim (Politeknik Port Dickson)
Dr Norreha Binti Othman (Kolej Universiti Poly-Tech Mara Kuala Lumpur)
Dr Shah Rol Bin Hussain (Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah)
Dr Sharmili Binti Mohamed Rafi
Dr. Azli Bin Muhammad (Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah)
Dr. Azmin bin Pullong (Universiti Teknologi Mara)
Dr. Cammellia Othman (Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak)
Dr. Dicky Wiwittan Bin Toto Ngadiman (Politeknik Tawau Sabah)
Dr. Lewis Liew Teo Piaw (Politeknik Kuching Sarawak)
Dr. Muhammad Sayuti Sabdan (Politeknik Tawau Sabah)
Dr. Noor Afzan Binti Ahmad (Politeknik Mersing Johor)
Dr. Norzaris bin Abdul (Politeknik Kota Kinabalu)
Dr. Saifulazry bin Mokhtar (Universiti Malaysia Sabah)
Haryati Binti Ismail (Politeknik Kota Bharu)
Hawa Syamsina Binti Md Supie (UiTM Kampus Pasir Gudang)
Khairun Nisa' Binti Muhammad Aris (Politeknik Port Dickson)
Ku Nur Ilyani Binti Ku Abd Aziz (Universiti Tunku Abdul Rahman - UTAR)
Muhammad Ashraf Bin Anuar (Universiti Tunku Abdul Rahman)
Nor Fauziana Binti Mohd Salleh (Kolej Komuniti Jerantut)
Ts. Dr. Ahmad Sid Hijaz bin Md Saaid (Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah)
Ts. Dr. Tshin Lip Vui (Politeknik Tawau Sabah)

JAWATANKUASA TEKNIKAL

Nur Aziilah Izyan (Academic Inspired Network)

Nor Haslinda Ahmad (Academic Inspired Network)

PANEL/ MODERATOR PEMBENTANGAN

Muhammad Naqib bin Mat Yunoh (Universiti Malaysia Kelantan)

Dr. Mohd Safwan bin Ghazali (Universiti Malaysia Kelantan)

Dr. Hana Yazmeen binti hapez (Universiti Malaysia Kelantan)

Dr. Amira binti Jamil (Universiti Malaysia Kelantan)

Ts. Dr. Tshin Lip Vui (Politeknik Tawau Sabah)

Dr. Norzaris bin Abdul (Politeknik Kota Kinabalu)

Syafawati Noorhafizah binti Adnan Adil (Politeknik Nilai)

Claudia Petin (Kolej Komuniti Tambunan)

Marlia binti Marzuki (Politeknik Kuching Sarawak)

Jean Jabilles (Politeknik Kota Kinabalu)

Muhaini Nadzirah Binti Abdul Ghani (Politeknik Kota Kinabalu)

Melin Jopin (Politeknik Kota Kinabalu)

Nina Shenna Kosumin (Politeknik Kota Kinabalu)

Evelyn Hiuboy (Politeknik Kota Kinabalu)

MULTIMEDIA

Ilyana Binti Yahya (Kolej Komuniti Bentong)

PENGACARA MAJLIS

Khuzaimah binti Bahari (Politeknik Tawau Sabah)

PEMBACA DOA

Mohd Haqqul Yaqin bin Ahmad M (Politeknik Tawau Sabah)